



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 10 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **96 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **5,025 kes** (75.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 10 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **67 kes**, baharu yang telah dilaporkan, **di mana 49 kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,656 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,523 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai **18 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 6 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada kes kematian berkaitan COVID-19** setakat ini. Justeru, jumlah

kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **108 kes** (1.62 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

SAMBUTAN NUZUL QURAN DAN HARI IBU

KKM ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Nuzul Quran kepada semua umat Islam di Malaysia. Rebutlah peluang ini bersama keluarga di rumah untuk sama-sama menghayati peristiwa bermakna ini.

Sempena sambutan Hari Ibu pada hari ini iaitu 10 Mei 2020 pula, KKM ingin mengucapkan setinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada kaum ibu di seluruh Negara.

Tema “Prihatin Keluarga, Hargai Ibu” adalah paling bertepatan bagi menghargai peranan dan pengorbanan semua ibu, terutama sepanjang tempoh negara berusaha membendung wabak COVID-19. Pada masa yang sama, ibu yang bertugas di barisan hadapan dan belakang tabir dalam memerangi COVID-19 juga tidak dilupakan. Keprihatinan dalam mengimbangi tugas dan tanggungjawab terhadap keluarga dan negara amat disanjung tinggi.

PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Perutusan Khas beliau sebentar tadi, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat atau PKPB yang berkuatkuasa sehingga 12 Mei 2020, akan disambung lagi sehingga 9 Jun 2020, iaitu selama empat (4) minggu lagi.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pelaksanaan PKPB didapati telah berjalan dengan lancar dan teratur. Beberapa sektor ekonomi juga telah mula dibuka. Mereka yang terkandas di kampung halaman atau di tempat-tempat lain, termasuk juga pelajar-pelajar telah mula balik ke rumah masing-masing. Didapati rata-rata peniaga, majikan dan

rakyat telah mengambil usaha aktif untuk mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan.

Justeru itu, KKM menyambut baik pengumuman pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 9 Jun 2020. Ini akan terus memberi ruang kepada Kerajaan dalam memerangi penularan COVID-19 ini sehingga ke tahap yang lebih terkawal, sambil mengimbangi pembukaan sektor-sektor ekonomi secara berhati-hati. Tahap keberkesanan tindakan ini akan dinilai dari semasa ke semasa.

Pihak KKM akan menggiatkan lagi usaha mengurangkan kes positif COVID-19 di Malaysia melalui pengesanan kes aktif (*Active Case Detection*) dan pendekatan tertumpu (*targeted approach*) iaitu pengesanan, penyaringan dan ujian ke atas kumpulan sasaran yang berisiko tinggi. Tindakan-tindakan ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan juga Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)

PASAR JALAN OTHMAN DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

KKM mengambil maklum pengumuman oleh YB Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), di mana Pasar Jalan Othman di Petaling Jaya, Selangor telah ditempatkan di bawah arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Arahan ini dilaksanakan susulan pengesanan 27 kes positif COVID-19 di lokaliti tersebut (termasuk satu (1) kes di luar kawasan ini). Perintah PKPD ini melibatkan tiga (3) zon dan akan berkuatkuasa mulai 10 Mei 2020 hingga 23 Mei 2020.

AKTIVITI PENDEKATAN TERTUMPU (*TARGETED APPROACH*) MENUNJUKKAN HASIL POSITIF

Setakat ini pelaksanaan aktiviti pendekatan tertumpu (*targeted approach*) telah menunjukkan impak yang positif dalam mengesan

lebih banyak kes COVID-19. Sehingga 10 Mei 2020, KKM telah mengenal pasti beberapa kumpulan sasar seperti berikut:

- Peserta perhimpunan di Seri Petaling dan kontak rapat mereka;
- Pelajar serta kakitangan madrasah dan tahfiz yang berkait rapat dengan perhimpunan di Seri Petaling;
- Rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara dan ditempatkan di pusat-pusat kuarantin;
- Anggota kesihatan KKM;
- Penduduk di lokaliti-lokaliti PKPD;
- Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) dan pasar-pasar yang berkait rapat dengan PBKL;
- Pekerja asing di tapak pembinaan di zon merah; dan
- Rumah jagaan warga emas.

Masyarakat tidak perlu khuatir dengan peningkatan kes baharu susulan pendekatan tertumpu yang agresif dan proaktif oleh Kerajaan kerana ini menunjukkan keberkesanan aktiviti yang dijalankan ini. Kes-kes yang dikesan ini sememangnya diasingkan dan diberi rawatan di hospital bagi memastikan virus COVID-19 tidak terus menular di kalangan masyarakat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM mohon kerjasama semua peringkat dan lapisan masyarakat dalam memerangi wabak COVID-19. Masyarakat perlu mengambil tanggungjawab sosial (*social responsibility*) dan mempunyai kawalan sendiri (*self-regulation*). KKM ingin menasihatkan orang ramai untuk terus mempraktikkan norma baharu dalam kehidupan:

- 1) Patuh kepada PKPB
- 2) Elakkan keluar dari rumah, kecuali untuk urusan-urusan yang penting sahaja
- 3) Mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain
- 4) Mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

10 Mei 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 10 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	95
PULAU PINANG	0	121
PERAK	2	255
SELANGOR	8	1,604
NEGERI SEMBILAN	45	726
MELAKA	0	210
JOHOR	0	667
PAHANG	2	308
TERENGGANU	0	110
KELANTAN	0	155
SABAH	0	317
SARAWAK	1	543
W.P. KUALA LUMPUR	9	1,423
W.P. PUTRAJAYA	0	88
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	67	6,656

*() adalah merujuk kepada kes-kes import